

SULIT
3767/2
Ekonomi
Kertas 2
2 ¼ jam



UJIAN DIAGNOSTIK

EKONOMI
Kertas 2
Dua jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi **dua** bahagian: **Bahagian A dan Bahagian B.**
2. Jawab **semua** soalan di **Bahagian A** dan **dua** soalan daripada **Bahagian B.**
3. Jawapan **Bahagian A** hendaklah ditulis pada ruang yang disediakan dalam kertas soalan ini manakala jawapan **Bahagian B** ditulis dalam kertas jawapan sendiri.
4. Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraihan soalan ditunjukkan dalam kurungan.
5. Jika anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baharu.
6. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.
7. Semua kertas jawapan anda hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Bahagian	Soalan	Markah penuh	Markah diperoleh
A	1	20	
	2	20	
	3	20	
B	4	20	
	5	20	
	6	20	
	7	20	
Jumlah			

Kertas soalan ini mengandungi **18** halaman bercetak

Bahagian A

[60 markah]

Jawab **semua** soalan dalam bahagian ini

1. (a) Gambar di bawah merupakan sumber ekonomi.



Gambar A



Gambar B

Bezakan ciri-ciri sumber ekonomi tersebut.

[4 markah]

- (b) Bagaimanakah Sistem Ekonomi Campuran menyelesaikan masalah asas ekonomi berikut:

- (i) Apa yang hendak dikeluarkan?

[2 markah]

(ii) Bagaimana hendak dikeluarkan?

[2 markah]

(c) Jadual berikut menunjukkan penawaran baju sukan oleh dua buah firma dalam pasaran


Harga (RM)	Kuantiti ditawarkan (helai)	
	Firma AA	Firma SH
1	4	2
2	6	5
3	9	7

Jadual 1

Dengan menggunakan kertas graf, lukis dan jelaskan pembentukan keluk penawaran pasaran barang tersebut.

[6 markah]

- (d) Rajah 1 berkaitan dengan pemberian subsidi bagi barang X.



Rajah 1

- (i) Berdasarkan Rajah 1 di atas, huraikan kesan subsidi terhadap pengeluar dan pengguna apabila permintaan barang tersebut anjal.

[4 markah]

- (ii) Pada pendapat anda, jelaskan kesan sekiranya Kerajaan mengurangkan pemberian subsidi tersebut kepada pengeluar.

[2 markah]

- 

BANYAK JAWATAN KOSONG

MPHTJ

GAJI SEHINGGA RM 5,701

LAYARI: WWW.BERIKERJA.COM.MY

PELBAGAI JAWATAN DAN BIDANG

 - TETAP / KONTRAK
 - MANFAAT : KWSP / PERKESO DAN ELAUN YANG MENARIK

The image is a recruitment advertisement for PERKESO (Pertubuhan Keselamatan Sosial). At the top center is the PERKESO logo, which consists of three interlocking hexagons forming a larger hexagonal shape, with the word "PERKESO" in bold capital letters below it. Below the logo is a large, dark grey rectangular banner with the words "JAWATAN KOSONG" in large, white, bold, sans-serif capital letters. Underneath the banner, the text "Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)" is written in a bold, black, sans-serif font. This is followed by the salary range "Gaji : RM1,500 - RM7,999" in a bold, black, sans-serif font. Then, the eligibility criteria "Kelayakan : SPM/Diploma/Ijazah Sarjana Muda" is listed in a bold, black, sans-serif font. Below that is the application deadline "Tarikh Tutup : 02-18 Februari 2024" in a bold, black, sans-serif font. The word "Jawatan :" is written in a bold, black, sans-serif font, followed by a list of two job categories: "1. PELBAGAI KEKOSONGAN JAWATAN" and "2. CAWANGAN SELURUH MALAYSIA", both in a bold, black, sans-serif font. The entire advertisement is set against a background of light grey diagonal stripes.

[illegible]

5

- (b) Gambar di bawah berkaitan dengan sejenis kaedah pembayaran.



Gambar 1

Ahmad seorang graduan universiti yang baru bekerja dan ingin membeli barangan tersebut dengan kaedah pembayaran ansuran bulanan yang ditetapkan.
Adakah anda bersetuju?

[6markah]

- (c) Maklumat berikut berkaitan dengan pendapatan dan perbelanjaan Encik Danial pada bulan Ogos 2024.

Butiran	RM
Pendapatan	3500
KWSP	385
Faedah simpanan	120
Cukai Pendapatan	250
Insurans nyawa	150
Sewa Rumah	900
Ansuran kereta	700
Bil air dan elektrik	350
Perbelanjaan Barang Dapur	850
Zakat	200

Sediakan satu penyata anggaran belanjawan peribadi Encik Danial yang terancang untuk bulan seterusnya dengan tabungan sebanyak RM 300.

[illegible]

[4 markah]

- (d) Gambar menunjukkan projek pembangunan landasan kereta api ECRL.



Gambar 2

“Projek pembangunan tersebut telah membawa kos sosial kepada penduduk di Kawasan sekitar”.

Setujukah anda, dengan pernyataan tersebut, berikan alasan anda.

[6 markah]

3. (a) Maklumat berikut berkaitan dengan inflasi

KUALA LUMPUR: Pemansuhan subsidi minyak masak sawit, yang telah dilaksanakan oleh kerajaan mulai 1 Julai 2022 menyebabkan kenaikan harga minyak masak secara mendadak. Isu ini mencetuskan kebimbangan dalam kalangan pengguna terutama peniaga makanan.

Sumber: <https://www.bharian.com.my> . 13 Julai 2022

- (i) Apakah jenis inflasi di atas ?

[1 markah]

- (ii) Berdasarkan jawapan di 3(a)(i), jelaskan jenis inflasi tersebut.

[4 markah]



- (b) Maklumat di bawah menunjukkan dua jenis cukai.

Cukai A	Cukai B
• Cukai Pintu • Duti setem • Cukai pendapatan individu	• Duti eksais • Duti import • Cukai jualan dan perkhidmatan

Bandingkan jenis cukai A dan cukai B.

[5 markah]

- (c) Maklumat berikut berkaitan pelaburan langsung asing ke dalam negara Malaysia.

Malaysia jadi destinasi pilihan pelabur di rantau ini

Kuala Lumpur - Antara kekuatan utama Malaysia adalah akses mudah ke pasaran utama Asia; permintaan pengguna yang kukuh untuk barangan dan perkhidmatan antarabangsa; sokongan institusi, infrastruktur yang maju; rangka kerja undang-undang yang mantap; bakat atau tenaga kerja yang mampu bertutur dalam bahasa Inggeris.

Sumber: Sinar Harian Online

- i) Jelaskan kesan situasi di atas kepada ekonomi negara?

(4 markah)

- ii) Ramalkan kesan pada c (i) terhadap permintaan Ringgit Malaysia.

(2 markah)

- (d) Jadual di bawah menunjukkan kadar pertukaran asing antara Ringgit Malaysia dengan Dolar Amerika pada satu tempoh tertentu.

Tarikh/ Tahun	Unit USD	Harga belian (RM)	Harga jualan (RM)
1 Ogos 2023	1	4.6708	4.6745
1 Ogos 2024	1	4.4325	4.4975

Syarikat Seri merupakan syarikat pengimport produk kesihatan dari Amerika Syarikat. Syarikat membuat tempahan produk kesihatan bernilai USD 10 000 pada 1 Ogos 2023 dan mengekalkan nilai yang sama untuk setahun yang berikutnya pada 1 Ogos 2024.

Hitung nilai yang dibelanjakan syarikat dalam Ringgit Malaysia untuk:

- i) 1 Ogos 2023

(2 markah)

- ii) Jelaskan kesan, sekiranya Syarikat Seri mengekalkan import pada 1 Ogos 2024.

(2 markah)

Bahagian B

[40 markah]

Jawab mana-mana **dua** soalan daripada bahagian ini.

4. Pernyataan di bawah berkaitan dengan pemberian subsidi oleh kerajaan.

Harga telur ayam terkini 2024 – PM

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata “penampungan subsidi keperluan makanan rakyat sebanyak 10 sen bagi sebiji telur ayam akan melibatkan perbelanjaan RM100 juta, manakala pada tahun 2023 peruntukan subsidi telur ayam adalah sebanyak RM92 juta,” katanya dalam kenyataan hari ini.

Sumber : www.hmetro.com.my/utama/2024

- (a) Jelaskan perbelanjaan kerajaan yang terlibat dari situasi di atas ?
[4 markah]
- (b) Dengan menggunakan rajah, jelaskan bagaimana penampungan subsidi ini mempengaruhi pasaran telur ayam dalam negara.
[7 markah]
- (c) Berita di atas memberi impak kepada peniaga makanan. Kemukakan alasan anda.
[9 markah]

5. Maklumat berikut berkaitan dengan sumber pendapatan individu di Malaysia.

Ekonomi gig jadi alternatif rakyat jana pendapatan baharu

Pada tahun 2020 istilah ekonomi gig mula mendapat perhatian dan popular dalam kalangan masyarakat akibat dunia mula dilanda kegawatan ekonomi.

Ekonomi gig adalah salah satu pilihan pekerjaan berasaskan kontrak jangka pendek atau dilakukan secara bebas (freelance) yang disokong dengan menggunakan aplikasi teknologi. Perkembangan ekonomi gig selari dengan Revolusi Industri 4.0 (IR4.0). Antara syarikat terbabit membina platform aplikasi teknologi ialah Grabfood, Food panda, BungkusIt, Lalamove, Lazada, Shopee, TikTok, Fiverr, Workana dan MyCar.

Kemunculan pelbagai platform digital ini memberi ruang lebih besar kepada penjana ekonomi rakyat Malaysia di samping memberi peluang pekerjaan kepada rakyat.

Sumber : www.bharian.com.my/rencana/lain-lain/2022/03/92956

- (a) Terangkan jenis pendapatan individu yang dimaksudkan dari petikan di atas.
[4 markah]
- (b) Mengapakah ekonomi gig mendapat perhatian dan popular dalam kalangan masyarakat?
[7 markah]
- (c) “Bekerja sendiri lebih baik daripada bekerja dengan orang lain”. Buktikan
[9 markah]

6. Maklumat berikut berkaitan dengan tindakan yang diambil oleh institusi perbankan.

Bank Negara naikkan OPR kepada tiga peratus

Bank Negara Malaysia (BNM) telah menaikkan kadar dasar semalaman (OPR) sebanyak 25 mata asas kepada 3.00 peratus, menandakan kembalinya kepada kadar faedah sebelum pandemik.

Sumber : www.malaysiakini.com/news/

- (a) Apakah kebaikan dan keburukan jika pengguna berbelanja melalui kaedah bayaran secara kredit ?
[4 markah]
- (b) Jelaskan kesan terhadap firma sekiranya meneruskan pinjaman untuk pelaburan modal dalam perniagaannya?
[7 markah]
- (c) Kesan kenaikan kadar faedah kepada pengguna dan firma akan memberi kesan terhadap kestabilan ekonomi sesebuah negara. Bincangkan.
[9 markah]

7. Pernyataan berikut berkaitan dengan sejenis sekatan perdagangan antarabangsa.

Cukai jualan 10% barangan import dalam talian demi selamatkan industri tempatan Malaysia

KUALA LUMPUR : Pelaksanaan cukai jualan 10 peratus bagi pembelian barang bernilai rendah (LVG) dalam talian bermula 1 Januari 2024 yang mendapat respons negatif pengguna di Malaysia, tetapi langkah terbaik untuk ekosistem perniagaan yang lebih adil antara syarikat pembuatan tempatan dengan pasaran global.

Menurut Presiden FOMCA, pelaksanaan LVG ke atas barang import bernilai RM500 ke bawah yang dijual secara dalam talian wajar dilaksanakan. Ia akan memanfaatkan usahawan Perindustrian Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) tempatan.

Sumber : www.beritaharian.sg/malaysia/cukai-jualan-10%

- (a) Nyatakan empat faktor yang mempengaruhi galakan globalisasi di Malaysia.
[4 markah]
- (b) Bagaimana pelaksanaan cukai LVG memberikan kesan terhadap pasaran perdagangan antarabangsa.
[7 markah]
- (c) Adakah anda bersetuju dengan pelaksanaan cukai LVG ?
Jelaskan jawapan anda.
[9 markah]

- KERTAS SOALAN TAMAT -

[illegible]

Handwriting practice lines consisting of multiple sets of three horizontal dashed lines for tracing and writing practice.

Handwriting practice lines consisting of multiple sets of three horizontal dashed lines for tracing and writing practice.

Handwriting practice lines consisting of multiple sets of three horizontal lines (top solid, middle dashed, bottom solid) for letter formation.

